



PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 15/2023

KEHADIRAN STAF UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK) KE MAJLIS TEMU ANWAR DI UMK

1. Adalah dimaklumkan satu **Majlis Temu Anwar di Universiti Malaysia Kelantan (UMK)** bersama YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 18 Jun 2023 (Ahad)
Masa : 02:30 hingga 05:30 petang
Tempat : Dewan Tuanku Canselor, UMK Bachok
Tema Pakaian : *Smart casual*

2. Sehubungan itu, **semua staf** Universiti Malaysia Kelantan (UMK) adalah **DIWAJIBKAN HADIR** ke program di atas.
3. Rekod kehadiran melalui *QR Code* akan disediakan sekitar Dewan Tuanku Canselor dan semua staf perlu merekodkan kehadiran.
4. Staf digalakkan untuk berkongsi kenderaan bagi menghadiri program in. Tiada kemudahan pengangkutan disediakan dan tuntutan perjalanan adalah tidak dibenarkan mengambil kira langkah penjimatan Universiti.
5. Semua staf dimohon untuk mengambil perhatian dan tindakan ke atas pekeliling ini dan kerjasama Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) diminta bagi memastikan kehadiran staf PTj masing-masing.
6. Segala sokongan yang diberikan amatlah diharapkan bagi memastikan kejayaan penganjuran program demi kecemerlangan Universiti.

Sekian, terima kasih.

"ALLAH DITAATI, RAJA DISANJUNGI, RAKYAT DIKASIHI"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(KHAIRUL ERUWAN BIN ABDUL HALIM, P.J.K)

Pendaftar

15 JUN 2023

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Semua Ketua Pusat Tanggungjawab